




# MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

(Company No. 902884V)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

## KENYATAAN TENDER

MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (902884-V) ("MRTC") ingin mempelawa bakal penender untuk mengambil bahagian di dalam tender bagi kerja seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

TAJUK	KRITERIA MANDATORI	TAKLIMAT TENDER (MANDATORI)	
<p><b>PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 1: KAJANG LINE</b></p> <p><b>TENDER FOR DESIGN AND CONSTRUCT OF SLOPE STABILISATION AND RECTIFICATION WORKS ALONG MRT KAJANG LINE – PHASE 1</b></p> <p><b>TENDER NO.: TEN/PD/Q46-2024</b></p>	<p>Penender hendaklah berdaftar dan memiliki sijil pendaftaran yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred: G4 atau G5</p> <p>Sijil pendaftaran CIDB tersebut hendaklah mengandungi pengkhususan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• CE08 ( Sistem Perlindungan dan Penstabilan Cerun)</li></ul>	<p>Tarikh : <b>Isnin, 18 November 2024</b></p> <p>Masa : <b>10:00 pagi</b></p> <p>Lokasi : <b>Dewan Serbaguna, Tingkat 5, Menara I&amp;P 1, No.46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.</b></p>	<p>Bagi menyertai taklimat tender ini, penender dikehendaki melengkapkan pendaftaran secara atas talian menerusi salah satu pautan di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Laman Web MRT Corp. <a href="http://www.mymrt.com.my">www.mymrt.com.my</a>;</li><li>2. <a href="https://forms.gle/swr4UAgtCr52HsQt7">https://forms.gle/swr4UAgtCr52HsQt7</a>;</li><li>3. Mengimbas Kod QR yang disediakan.</li></ol>  <p>Pendaftaran akan bermula pada <b>Rabu, 6 November 2024</b> sehingga <b>Khamis, 14 November 2024</b>. Hanya penender yang telah membuat pendaftaran dan memenuhi kesemua syarat pendaftaran yang ditetapkan sahaja akan dibenarkan menghadiri sesi taklimat tender. Kehadiran adalah <b>WAJIB</b> dan penender tidak dibenarkan untuk menyertai tender sekiranya gagal hadir ke sesi taklimat tender.</p> <p>Seramai dua (2) orang wakil daripada setiap penender sahaja dibenarkan menghadiri sesi taklimat tender.</p> <p>Wakil-wakil daripada pihak penender yang berminat mestilah terdiri daripada kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang tender dan kontrak untuk kerja yang dinyatakan, serta telah diberi kuasa oleh syarikat. Salah seorang wakil haruslah terdiri daripada jawatan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Pengarah Urusan; atau</li><li>2. Pengurus Projek; atau</li><li>3. Pengurus Kontrak dan Komersial.</li></ol>

1. Dokumen tender akan diberikan kepada penender yang layak tanpa sebarang bayaran melalui alamat e-mel yang didaftarkan.
2. Penender disyaratkan untuk menyerahkan dokumen tender yang sudah lengkap termasuk segala maklumat sokongan yang diperlukan dan ditetapkan di dalam dokumen tender.
3. Tarikh serahan bagi dokumen tender adalah pada **Isnin, 9 Disember 2024 tidak lewat dari jam 12:00 tengahari**. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya penender lewat menyerahkan dokumen tender tersebut selepas tarikh dan masa yang ditetapkan.
4. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar di dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas tajuk tender dan nombor tender di bahagian atas tengah sampul surat di alamat berikut:

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd  
Jabatan Perolehan (Kaunter Tender),  
Tingkat 6, Menara I&P 1,  
No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur.

5. Selain daripada syarat-syarat di atas, penender **WAJIB** memenuhi **Kriteria Mandatori** seperti berikut:

### KRITERIA TEKNIKAL (MANDATORI)

1. Penender hendaklah mempunyai pengalaman dan telah menyiapkan projek berkaitan Kerja Sivil dalam tempoh tujuh (7) tahun yang lalu dengan nilai minimum satu (1) projek tidak kurang daripada Ringgit Malaysia: Dua Juta (**RM2,000,000.00**).

### KRITERIA KEWANGAN (MANDATORI)

1. Purata baki akaun bank selama tiga (3) bulan berturut hendaklah positif.

### Nota:

1. Penyertaan melalui syarikat Usahasama/Konsortium adalah tidak dibenarkan.
2. MRTC berhak untuk menolak serahan dokumen tender daripada mana-mana Penender tanpa menyatakan sebarang sebab atau memaklumkan kepada Penender mengenai alasan penolakan atau menanggung sebarang liabiliti kepada Petender terhadap penolakan serahan dokumen tender tersebut.
3. Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada [procurement@mymrt.com.my](mailto:procurement@mymrt.com.my). Penender boleh melayari laman web kami di [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my) untuk maklumat lanjut mengenai MRTC.